

21 DISEMBER 2017

Kena cekup ketika khayal

KOSMO! KHAMIS 21 DISEMBER 2017

NEGARA! 15

Tiga lelaki hisap dadah sambil bersila di Kampung Gajah

Kena cekup ketika khayal

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

PASIR SALAK – Sekumpulan tiga lelaki tidak sempat menghabiskan dadah yang sedang dihisap apabila kesemuanya diberkas ketika sedang khayal di sebuah rumah di Felera Changkat Lada, Kampung Gajah di sini kelmarin.

Kesemua suspek berusia antara 25 hingga 37 tahun tersebut diberkas ketika se-

dang berpesta dadah sambil bersila di ruang tamu rumah itu pada pukul 5 petang.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendant Mohamad Zainal Abdullah berkata, selain suspek, pihaknya turut merampas 18 peket plastik lutsinar dan dua penyedut minuman berisi dadah jenis heroin seberat 15 gram.



MOHAMAD ZAINAL

Katanya, polis turut menemui sepeket dadah syabu seberat 0.25 gram dan empat biji pil eramin 5 seberat 1.18 gram.

“Suspek-suspek yang berasal dari Kampung Gajah itu tidak menutup pintu utama rumah ketika menagih dadah. Kita turut merampas satu botol kaca yang diubahsuai, foil alumin-

um, balutan kertas dan pemotik api yang disyaki digunakan untuk menghisap dadah.

“Dua daripada suspek mempunyai rekod menjayah lampau dan kesemuanya mereka positif dadah morfin dan syabu,” katanya ketika dihubungi semalam.

Kesemua suspek kini diraman bagi membantu siatan mengikut Seksyen 39B/12(2)/15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.



INILAH sebahagian dadah jenis heroin, syabu dan pil eramin 5 yang dirampas daripada tiga lelaki di sebuah rumah di Kampung Gajah, Pasir Salak kelmarin.